

19 JUL 1999

Mokhtar-Media

WARTAWAN MELAPORKAN APA YANG DIPERKATAKAN, WAN MOKHTAR

KUALA TERENGGANU, 19 Julai (Bernama) -- Menteri Besar Terengganu Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad hari ini berkata golongan wartawan di negara ini menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab dan melaporkan apa yang diperkatakan.

Menurutnya menjadi tugas wartawan untuk membuat laporan apa sahaja yang diperkatakan dan tidak timbul soal memutar-belit kenyataan kerana mereka mempunyai tanggungjawab untuk membantu membangunkan masyarakat.

"Sehingga kini, golongan wartawan di negara ini melaporkan berita dengan penuh tanggungjawab," katanya ketika diminta mengulas kenyataan Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Aziz Nik Mat yang mendakwa media massa tempatan memutar-belitkan fakta dan kenyataan beliau semata-mata untuk "menyerang"nya.

Menurut Wan Mokhtar jika Nik Aziz berkata demikian, parti PAS lebih teruk kerana mengeluarkan kenyataan yang boleh memecah-belahkan masyarakat melalui ceramahnya di seluruh negara.

"Kita sebagai orang Melayu dan umat Islam perlu bersatu-padu, tidak berpecah belah kerana perpaduan akan melahirkan banyak kejayaan kepada bangsa kita sendiri, selain membangunkan negara," katanya.

Persidangan Dewan Undangan Negeri Kelantan yang bermula hari ini menjadi medan kepada wakil rakyat PAS melahirkan rasa tidak puas hati terhadap media massa tempatan yang didakwa membuat laporan bercorak negatif dan tidak benar mengenai Pas dan kerajaan negeri Kelantan.

Nik Aziz memberi contoh, perkara itu berlaku semasa beliau menyarankan kepada Universiti Utara Malaysia (UUM) untuk bekerjasama dengan kerajaan negeri bagi meringankan tanggungjawab wanita, beberapa bulan lepas.

"Saya dukacita dengan laporan media massa. Saya cuma minta (UUM) kaji bagaimana tanggungjawab wanita bekerja boleh diringankan (tetapi) media pusing kata saya minta UUM buat kajian (larang wanita bekerja).

"Sejak itu saya diserang berterusan dan serangan itu hanya dihentikan apabila Pas mengeluarkan keratan akhbar kenyataan Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) yang pernah mencadangkan wanita berhenti kerja," katanya.

Nik Aziz berkata ekoran tindakan media tempatan itu beliau telah hilang kepercayaan terhadap kredibiliti akhbar serta enggan lagi membaca akhbar.

"Lain yang cakap, lain yang keluar, saya tak baca akhbar dah sekarang," kata Nik Aziz.

Wan Mokhtar juga mengulas mengenai kenyataan "kontroversi" Nik Aziz yang membayangkan kemungkinan mengambil wanita "kurang rupawan" berbanding "rupawan" sebagai kakitangan kerajaan, beliau berkata kecantikan adalah anugerah Tuhan kepada individu dan tidak perlu dipertikaikan.

"Sepatutnya tidak ada perbezaan seperti ini...rupa paras yang cantik adalah kurniaan Tuhan dan wanita tidak patut dipersalahkan kerana keistimewaan mereka itu dengan menyisihkannya daripada peluang (kerja) yang ada," katanya.

Sebaliknya, kata Wan Mokhtar, setiap pekerjaan bergantung kepada kebolehan wanita itu sendiri, bukan kecantikan.

Ditanya sama ada kenyataan itu akan menyebabkan ramai lagi wanita Kelantan berhijrah ke negeri lain untuk mendapatkan pekerjaan, beliau berkata ia juga ada satu kemungkinan.

-- BERNAMA

sbs zb

